

Gejala intai jejas nilai moral, sosial

BERITA HARIAN

26/02/19 MSJ 97



Jami'ah Sokri
bhnews@bh.com.my

Mengintai, menghendap pasang berma-du kasih dan anak dara mandi di sungai atau perigi, kemudi-an mengekorinya sehingga ke rumah, antara kes lazim berlaku pada zaman dahulu, tetapi itu dianggap kesalahan kecil.

Kalau sudah dinamakan manusia, sesetengah individu mempunyai naluri dan nafsu berbeza, lantas ia sukar dibendung walaupun berada pada zaman mana sekalipun.

Cuma, cabaran pada era tanpa sempadan ini lebih hebat dan menakutkan. Kegiatan mengintai atau menghendap lebih canggih menerusi kewujudan media sosial dan aplikasi telefon pintar apabila sasaran kepada individu tertentu menjadi lebih terancang.

Tanpa disedari ia adalah peringkat paling mudah pengintai mendapat maklumat apabila mangsa seronok tanpa berfikir panjang memuat naik gambar, video dan kapsyen pelbagai aktiviti dilakukan setiap hari di Facebook, Twitter dan Instagram.

Paling keji dengan pantas pengintai siber ini menyebarkan imej video atau gambar ke pihak

Kajian penyelidikan dari Universiti Toronto, mendedahkan kegiatan intip dan hendap boleh mengakibatkan masalah kesihatan mental meliputi kerisauan, kemurungan dan simptom kecelaruan stres postraumatik.

Di negara ini, Pertubuhan Per-tolongan Wanita (WAO) pernah menerima 34 peratus kes keganasan rumah tangga yang ada kaitan dengan kegiatan intip dan hendap. Di Kanada dan Amerika Syarikat, 90 peratus wanita yang dibunuh pernah menjadi mangsa intip dan hendap sebelum mereka dibunuh.

Berdasarkan banyak kes pernah dilaporkan di seluruh dunia, ternyata perbuatan mengintai dan menghendap bukan pelakuan biasa dan wajar ditangani secara tuntas bagi mengelak jenayah lebih ganas.

Cetus ketakutan

Bagi mangsa, perbuatan itu menyebabkan mereka mengalami gangguan emosi, menimbulkan ketakutan dan kebimbangan sehingga menjejaskan rutin harian serta mewujudkan salah faham dengan banyak pihak.

Pada masa sama, gejala itu bo-

leh meruntuhkan nilai sosial, moral masyarakat, mengganggu ketenteraman, mengganggu keselamatan awam dan menjejaskan privasi mangsa khususnya wanita yang menjadi sasaran utama.

Sebilangan mangsa juga tidak pernah kisah kemungkinan mereka menjadi sasaran sedangkan ramai sahaja mata yang sentiasa memerhati, mengekori, menghendap atau mengintai atas sebab tertentu.

Gubal undang-undang khusus

Lantas, isu mengintai dan mengendap ini perbuatan serius kerana tiada undang-undang khusus bagi menghukum mereka.

Undang-undang sedia ada pada masa ini tiada peruntukan untuk mengambil sebarang tindakan tegas memandangkan ia sukar dibuktikan kecuali jika perbuatan itu mengakibatkan kecederaan fizikal terhadap mangsa atau jenayah berat.

Justeru, kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, yang menegaskan perbuatan mengintai dan menghendap bakal menjadi kesalah dan rang undang-undang (RUU) mengenainya dijangka di-

bentang di Parlimen, tidak lama lagi.

Sudah tiba masanya undang-undang itu digubal bagi memastikan rakyat dapat hidup lebih aman damai tanpa ancaman dan gangguan. Kerajaan juga tidak seharusnya melengahkan pengubalan undang-undang sebelum sesuatu tragedi menyayat hati berlaku.

Banyak negara seperti Singapura, Filipina, Jepun, Australia, New Zealand, Kanada, United Kingdom dan Amerika Syarikat sudah melaksanakan Undang-Undang Menghendap.

Penghendap dan pengintai bu-malah sahaja mengganggu mangsa, malah menjejaskan nilai moral dan sosial masyarakat.

Dengan ada undang-undang itu, ia juga boleh dijadikan pedana aras untuk mengumpul data dan statistik bagi menganalisis kecenderungan pelaku jenayah serta punca terabit dalam kegiatan itu.

Ini sekali gus dapat melihat trend tingkan laku individu terabit, selain membantu pihak berwajib menyusun strategi bagi menangani isu ini secara menyeluruh.